

# Kerajaan sedia kaji semula struktur cukai pelepasan

**SEPANG 16 Ogos** - Kerajaan akan mengkaji struktur cukai yang dikenakan terhadap penumpang syarikat penerbangan tambang rendah dan juga perkhidmatan penuh, kata Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ini kerana adalah tidak adil bagi semua orang untuk membayar jumlah cukai yang sama, katanya kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat AirAsia, RedQ, di sini hari ini.

"Kita sedang mengkaji (cukai itu) dan jelas sekali sekiranya anda mengenakan cukai keluar yang sama bagi penerbangan kos tinggi dan penerbangan kos rendah, ia adalah tidak adil," katanya.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai gesaan daripada industri untuk menangguhkan pelaksanaan levi pelepasan tahun depan hingga selepas Tahun Melawat Malaysia 2020, manakala yang lain meminta



**DR. MAHATHIR MOHAMAD (tengah) mencuba mesin pengimbas wajah semasa melawat ibu pejabat Air Asia. RedQ di KLIA2, Sepang. Selangor semalam. - BERNAMA**

cukai itu dikurangkan atau dimasukkan ke dalam tambang penerbangan.

Perdana Menteri berkata,

kerajaan akan meneliti perkara itu bagi memastikan struktur cukai yang adil kepada semua orang.

"Pada masa ini apabila anda memperkatakan tentang cukai, ia adalah satu tahap cukai bagi semua orang tetapi tidak semua

orang itu sama. Jadi kita perlu mengambil kira saiz, kos dan semuanya sekali," katanya.

Dalam warta yang diumumkan pada 31 Julai, Kementerian Kewangan menetapkan 1 September sebagai tarikh efektif bagi levi pelepasan. Setiap orang yang berlepas dari Malaysia ke negara-negara ASEAN akan dikenakan bayaran RM8 bagi penerbangan dalam kelas ekonomi dan RM50 bagi kelas-kelas lain.

Bagi penerbangan ke negara-negara di luar ASEAN, kelas ekonomi akan dikenakan bayaran RM20, manakala kelas-kelas lain sebanyak RM150.

Apabila diminta mengulas mengenai saman oleh Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) ke atas AirAsia, Dr. Mahathir berkata: "Apabila terdapat perbezaan dan mereka tidak boleh menyelesaikannya di luar mahkamah, biasanya mereka akan bawa ke mahkamah tetapi saya lebih memilih penyelesaian di luar mahkamah." - BERNAMA